

TCY MOTORS BAWAKAN JENAMA DFSK

Oleh Syahmi Hassan

BANDAR SERI BEGAWAN, 21 JULAI - TCY Motors akan membawakan kenderaan jenama DFSK atau Dongfeng Sokon ke Brunei dengan pelancaran SUV DFSK Glory 560 yang baharu, sebagai yang pertama daripada banyak lagi tawaran-tawaran di samping kenderaan komersial yang ringan.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan TCY Motors, DFSK adalah usaha sama Dongfeng Motor (berada di tempat ke-82 tahun lalu dalam Fortune Global 500) dan Sokon Group.

Sejarah DFSK dapat dikesan kembali pada Dongfeng Motor Group, China, yang ditubuhkan pada 1969.

Sebagai syarikat pembuatan kenderaan global, Dongfeng Motor telah bekerjasama dengan banyak syarikat automobol antarabangsa seperti Peugeot SA dan Renault di Perancis, Kia di Korea, Honda, Infiniti dan Nissan di Jepun.

Berpangkalan di Hubei, Dongfeng Motor Corporation adalah kumpulan auto ketiga terbesar di China dengan jumlah keseluruhan aset



SUV Glory 560 tujuh tempat duduk berjenama DFSK yang akan diperkenalkan ke pasaran Brunei. - Gambar serahan TCY Motors

RMB 240.2 bilion (lebih AS\$34 bilion) dan seramai 176,000 pekerja.

Perniagaan utama DFM

merangkumi rangkaian kenderaan komersil, kenderaan penumpang, kenderaan tenaga baharu, enjin, bahagian

dan komponen auto serta perniagaan berkaitan auto yang lain, dengan skala perniagaan melebihi 3.8 juta unit.

Pemenang Cabaran 30 Days Meal terima hadiah



Lolita menyampaikan hadiah kepada pemenang pusingan kedua Cabaran 30 Days Meal Mayer, Raquel.



Webinar Bank Standard Chartered Brunei bincang The Aftershock

Oleh Ak Zaki Kasharan

BANDAR SERI BEGAWAN, 21 JULAI - Bank Standard Chartered Brunei, kelmarin, telah menganjurkan *Global Research Brief H2 2020* bagi pelanggan korporat di mana pelbagai perkongsian telah disampaikan oleh para pakar ekonomi dari seluruh dunia mengenai pandangan mereka terhadap tahun mendatang.

Seminar yang pertama kali dianjurkan secara maya tersebut telah disertai oleh lebih 100 orang pelanggan korporat dan stakeholder bank tersebut.

Turut berkesudian bagi menyampaikan ucap tama ialah Setiausaha Tetap di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Semasa webinar tersebut, Ketua Ekonomi ASEAN

dan Asia Selatan, Edward Lee bersama Ketua ASA FX Research Strategist, Divya Devesh telah membentangkan pandangan mereka terhadap *The Aftershock* dan membincangkan implikasi perkembangan pasaran terkini terhadap ASEAN dan Brunei.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Standard Chartered Brunei, Pengiran Aki Ismasufian bin Pengiran Haji Ibrahim dalam ucapan alu-aluannya berkata bahawa beliau bangga dan teruja untuk mengalu-alukan peserta seminar dalam talian tersebut.

Jelasnya sebagai bank antarabangsa, ia adalah bukti keupayaan yang dapat mereka manfaatkan untuk berkongsi maklumat yang penting bagi organisasi

berkenaan secara berkala.

Pada Februari lalu, Bank Standard Chartered telah memulakan tahunnya dengan *Global Research Brief* untuk mengongsikan pandangan mereka bagi 2020.

Selain itu beliau turut menyatakan bahawa ia merupakan separuh tahun pertama yang mencabar namun sebaik sahaja semakin banyak pasaran bangkit daripada *lockdown*, mereka melihat beberapa perkembangan dan indikator sentimen yang menunjukkan bahawa pemulihan dapat dilaksanakan.

Tema bagi *Global Research Briefing* pada tahun ini ialah *The Aftershock* serta menyusuli penerbitan *Global Focus*, Standard Chartered.

Oleh Sim Y. H.
Gambar serahan Intracorp

BANDAR SERI BEGAWAN, 21 JULAI - Intracorp (B) Sdn Bhd bersama rakan kongsi jenama, Mayer telah mengadakan pertandingan dalam talian, Cabaran 30 Days Meal yang berjalan sepanjang Jun lalu bersempena Kempen Intracorp Stay Home Stay Safe.

Lolita menyampaikan hadiah kepada Haji Mohammad Kamri selaku pemenang pusingan ketiga cabaran.

Cabaran berkenaan memberikan peluang kepada cef-cef di rumah yang berminat untuk mengetengahkan kemahiran mereka menyediakan hidangan.

Per pertandingan berkenaan dibahagikan kepada tiga pusingan di mana seorang pemenang bertuah dengan resipi menarik yang mengongsikan gambar hidangan dan tag tiga orang rakan akan menerima satu set Mayer Meal Cooker, MMMC01.

Bagi pusingan pertama tidak ada pemenang di mana tidak ada peserta yang layak berdasarkan kepada keperluan atau syarat yang diberikar manakala pusingan kedua dimenangi oleh Raquel Garcia Anonuevo dan pusingan ketiga dimenangi oleh Haji Mohammad Kamri bin Haji Samat.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Ketua Pemasaran Intracorp, Lolita Carman Bilal.